

Silat cekak berkembang dengan berkat ketabahan

Oleh NORAINI ISMAIL

KUALA LUMPUR, Jumaat — Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) hari ini menyambut ulang tahunnya yang ke-18 dengan mengadakan beberapa acara penting, termasuk penyampaian sijil kepada ahli-ahlinya dan demonstrasi khas kesenian silat itu.

PSSCM yang mempunyai seramai 10,000 ahli bukan saja berjaya menonjolkan kesenian silat cekak lama yang kian pupus, malah berjaya memperluaskan cawangannya ke seluruh tanahair.

B. Harian (M)

Sejak diasaskan Disember 1965, persatuan itu terletak di suatu tempat di Batu 4½, Jalan Gunung, Alor Setar — dikelolakan oleh sebuah badan bernama Seri Kedah dengan bilaangan ahli yang sedikit.

Walaupun tiada kekuatan dari segi ahli, keazaman Presiden PSSCM, Encik Hanafi Haji Ahmad tidak luntur. Beliau tetap meneruskan usahanya menambah ahli khasnya dari generasi muda untuk mengikuti kesenian silat cekak.

Buah fikiran menubuhkan persatuan itu bukan satu keputusan yang diambil secara tergesa-gesa tetapi dinilai buruk-baiknya. Kesenian ini bukan untuk dibangga-banggakan tetapi memerlukan penyertaan.

4 FEB 1984
Peribadi

Beliau tidak mahu melihat bangsanya hanyut dengan budaya luar terutama adanya pengaruh gusti Siam yang mula diminati oleh masyarakat Kedah. Dengan tekad meneruskan kesenian bangsa itulah Encik Hanafi memperkuatkannya kedudukan PSSCM sehingga berjaya membuka lebih banyak cawangan dan mempunyai ibu pejabat di Lembah Keramat.

Di samping menjalankan kegiatan persatuan di sekitar Wilayah dan Selangor, ia berjaya menawan hati mahasiswa di lima pusat pengajian tinggi termasuk cawangan lain di Ipoh, Seberang Prai, Pulau Pinang, Kuantan dan Kedah.

Encik Hanafi memberitahu, kesenian silat cekak mempunyai peribadi tersendiri terutama dari segi pergerakannya.

Setiap pelajar yang mengikuti persatuan itu akan mempelajari teknik asas pergerakan silat termasuk kaedah mempertahankan diri dan menyerang lawan.

Setiap pelajar di peringkat bawah hanya diperlukan menghabis masa selama enam bulan. Dalam jangka masa itu mereka diajar 40 jenis pelajaran mempertahankan diri.

Ketika mengikuti latihan, pelajar juga diajar menggunakan parang lading iaitu senjata rasmi dalam kesenian itu.

Persatuan itu membuka peluang kepada golongan wanita untuk mengikuti kesenian itu sejak dua tahun lalu. Pada masa ini lebih dari 200 orang wanita telah menganggotainya.

Sempena sambutan perayaan ulang tahunnya

yang ke-18, 211 pelajar dianugerahkan sijil kerana berjaya mengikuti latihan dalam beberapa peringkat iaitu sijil menengah, sijil rendah kepujian dan sijil rendah.

B. Harian (M)

Satu pertunjukan oleh 150 orang pelajar seni silat cekak diadakan untuk memeriahkan lagi sambutan Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohd Adib Haji Adam diundang khas untuk merasmikannya.

Berita Harian yang membuat tinjauan sekitar acara demonstrasi itu diberitahu, ia ialah untuk mendekatkan kesenian itu pada orang ramai.

4 FEB 1984

Yang lembut

Selain memberi tarikan kepada orang ramai untuk menyertai kesenian mempertahankan diri, pertunjukan itu juga ialah untuk menonjolkan keaslian budaya negara yang mula dilupakan.

Beberapa pergerakan cara mempertahankan diri diperlihatkan kepada orang ramai. Ia juga diselitkan dengan beberapa drama pendek yang membawa mesej kepentingan silat kepada orang ramai adalah antara adegan yang menarik perhatian lebih 1,000 orang penonton yang membanjiri

Stadium Jalan Raja Muda di sini.

Salah seorang peserta yang mengambil bahagian, Cik Abidah Mohd Yusof, 22, memberitahu peryertaannya dalam seni silat cekak adalah untuk melengkapkan diri dengan ilmu mempertahankan diri.

Dia yang bekerja sebagai seorang kerani di sebuah bank berminat dengan pergerakan seni silat cekak kerana pergerakannya yang lembut dan sesuai untuk wanita.

Beliau adalah golongan pertama mengikuti seni silat cekak bila ia diperkenalkan kepada wanita.

"Biarlah ia menjadi rahsia saya dan dipergunakan bila perlu," katanya.

Encik Ahmad Kamal, 23, penuntut Sains Gunaan Universiti Sains Malaysia (USM) berkata, peryertaannya dalam kesenian ini pada mulanya hanya ingin mengenalinya saja.

Setelah mengikuti latihan seni silat beberapa lama dia makin tertarik dan ingin terus mempelajari semua espek pergerakan.

Pelajar tahun tiga ini masih menjadi ahli PSSCM USM dan telah berjaya memperolehi sijil peringkat rendah.